



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH AIDILADHA

Tajuk :

AIDILADHA DAN KEPEDULIAN SOSIAL KITA

Tarikh Dibaca :

10 ZULHIJAH 1445H

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَاهَةٌ بِكَلِمَاتٍ إِسْلَامِيَّةٍ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

AIDILADHA DAN KEPEDULIAN SOSIAL KITA

10 ZULHIJAH 1445H

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَأَيُّيَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ ، : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكُوتِرَ ❶ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَمْحَرْ ❷ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ❸

Muslimin Muslimat yang dikasihi sekalian,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Persiapkanlah bekalan yang secukupnya menuju hari akhirat dan ingatlah bahawa sebaik-baik bekalan itu ialah takwa. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia mahupun di akhirat.

Pada pagi Aidiladha yang penuh keberkatan ini saya akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Aidiladha dan Kepedulian Sosial Kita**”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

Puji dan syukur kita lafazkan hanya kepada Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani kerana telah melimpahkan rahmat dan nikmat-Nya. Dengan izin-Nya jua, kita berkesempatan untuk menyambut Aidiladha. Peluang dan kesempatan yang diberi ini haruslah digunakan sebaik-baiknya dengan meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT iaitu dengan mentaati dan melaksanakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan dan perkara yang dimurkai-Nya.

Hari ini kita menyambut Aidiladha bersempena ibadah haji dan ibadah korban yang dimulakan oleh Nabi Ibrahim AS. Perintah yang diterima dari Allah SWT ini merupakan ujian dalam membuktikan keimanan, kesabaran, dan keikhlasan serta penyerahan diri kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 124:

وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۗ قَالَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي ۖ

قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ﴿١٢٤﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah), ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhannya dengan beberapa Kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (Setelah itu) Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi Imam (Pemimpin ikutan) bagi umat manusia". Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: "(Ya Tuhanku!) Jadikanlah juga (apalah jua kiranya) dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan)". Allah berfirman: "(Permohonanmu diterima, tetapi) janjiKu ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin Muslimat Yang Dimuliakan,

Adapun ibadah haji yang disyariatkan ketika ini pula menghimpunkan berjuta-juta umat Islam dari seluruh pelusuk dunia. Ia menyatakan kesatuan di hadapan Allah SWT

dengan ibadat, cara dan matlamat yang sama. Pangkat dan status sosial diletak tepi kerana ukuran kemuliaan seseorang hanyalah pada takwa dalam diri. Rasulullah SAW bersabda ketika menunaikan haji wada':

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، أَلَا إِنَّ رَبَّكُمْ وَاحِدٌ، وَإِنَّ أَبَاكُمْ وَاحِدٌ، أَلَا لَا فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَىٰ عَجَمِيٍّ،
وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَىٰ عَرَبِيٍّ، وَلَا أَحْمَرَ عَلَىٰ أَسْوَدٍ، وَلَا أَسْوَدَ عَلَىٰ أَحْمَرَ إِلَّا بِالتَّقْوَىٰ

Maksudnya: *“Wahai manusia! Ingatlah, sesungguhnya Tuhan kamu itu satu sahaja, bapa kamu juga satu (Adam). (Ingatlah) bahawa tiada kelebihan bagi yang berbangsa Arab dibandingkan bukan Arab, tiada kelebihan juga bagi bukan Arab dibandingkan berbangsa Arab, yang berkulit warna merah (putih) ke atas yang berkulit hitam, dan yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah (putih) melainkan sifat takwa dalam dirinya”.* **(Hadis riwayat Imam Ahmad)**

Ibadah haji memberi beberapa pengajaran besar pada kita semua. Salah satunya ia mengingatkan kita bahawa kita semua sama sahaja di sisi Allah SWT. Yang membezakan kita hanyalah takwa kepada-Nya. Harta, pangkat tinggi, jawatan, pengikut di media sosial hanyalah perhiasan dunia yang tidak membawa apa-apa makna kepada kita sekiranya kita tidak memanfaatkannya pada jalan Allah SWT. Nanti apabila kita mati, semua perhiasan dunia itu akan ditinggalkan dan tidak dibawa mati sedikit pun malah akan dipertanggungjawabkan pula di akhirat. Hanya berbekalkan amal baik semasa hidup dan doa dari anak-anak yang soleh menjadi peneman ketika di alam kubur nanti.

Selain itu, ibadah haji turut mengingatkan kita tentang perhimpunan agung di padang mahsyar kelak. Jutaan umat Islam yang berkumpul di kota suci ketika ini memberi gambaran perhimpunan umat manusia yang menunggu giliran untuk dibicarakan oleh Allah SWT. Dikumpulkan seluruh makhluk bermula dari awal penciptaan sehinggalah makhluk terakhir yang ada di muka bumi ini. Diriwayatkan oleh al-Tabarani dalam *Mu'jam al-Kabir*, sebuah hadis dari Abdullah bin Mas'ud *radhiyallahu 'anhu*, beliau berkata: 'Rasulullah SAW pernah bersabda:

يَجْمَعُ اللَّهُ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ لِمِيقَاتِ يَوْمٍ مَّعْلُومٍ قِيَامًا أَرْبَعِينَ سَنَةً ، شَاخِصَةً أَبْصَارُهُمْ
إِلَى السَّمَاءِ يَنْتَظِرُونَ فَضْلَ الْقَضَاءِ

Maksudnya: “Allah akan mengumpulkan dari makhluk pertama hingga terakhir pada hari yang telah ditentukan, mereka berdiri selama empat puluh tahun sambil pandangannya tegak melihat ke langit menunggu Allah untuk memutuskan hukuman”.

Pada hari itu, jarak matahari hanyalah sejauh satu batu sahaja dari kepala. Tidak ada tempat bernaung kecuali naungan Arasy Allah. Antara manusia, ada yang mendapat naungan Arasy dan ada pula yang terpanggang oleh panasnya matahari. Panasnya matahari ketika itu terlalu menyengat dan hanya menambah penderitaan dan kegelisahan manusia. Ketika itu juga, manusia saling bersesakan dan berhimpit, sehingga terjadi tolak-menolak, kaki-kaki saling memijak dan keringnya tekak kerana kehausan. Maka, persiapkanlah diri kita dengan sebanyak-banyak amal dan banyakk berdoa, semoga Allah SWT memelihara dan menyelamatkan kita dari kegelisahan dan penderitaan di padang mahsyar kelak.

Muslimin Muslimat yang dikasihi sekalian,

Hari Raya Adha juga disebut sebagai hari raya korban kerana padanya disyariatkan ibadah korban yang juga memiliki banyak teladan dan pengajaran kepada kita. Pertamanya, ibadah ini mengajar erti syukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada kita. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hajj ayat 34:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ ۗ فَإِلَهُكُمْ إِلَهُهُ
وَاحِدٌ فَلَهُ أَسْلِمُوا ۗ وَبَشِّرِ الْمُخْبِتِينَ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: “Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaanNya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu. Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat

kepadaNya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat”.

Selain itu, ibadah korban mengajar tentang sikap kepedulian kita terhadap orang lain terutamanya terhadap ahli keluarga dan jiran-jiran di sekeliling. Ia juga menjadi tanggungjawab kita yang turut akan dipersoalkan di akhirat kelak. Dengan ibadah korban yang kita lakukan, sebahagiannya akan kita berikan kepada umat Islam yang lain dan dengan itu ia mengajar kita tentang sikap cakna dan peduli pada orang di sekeliling dan melatih amalan bersedekah kepada orang yang memerlukan. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisaa' ayat 85:

مَنْ يَشْفَعْ شَفَاعَةً حَسَنَةً يَكُنْ لَهُ نَصِيبٌ مِنْهَا ^ط وَمَنْ يَشْفَعْ شَفَاعَةً سَيِّئَةً يَكُنْ لَهُ كِفْلٌ
مِنْهَا ^ظ وَكَانَ اللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ مُقِيمًا ﴿٨٥﴾

Maksudnya: “Sesiapa yang memberikan syafaat yang baik nescaya dia akan memperoleh bahagian (pahala) daripadanya; dan sesiapa yang memberikan syafaat yang buruk, nescaya dia akan mendapat bahagian (dosa) daripadanya. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

Sikap peduli kita juga wajar kita tingkatkan terutamanya buat saudara-saudara kita di Palestin yang ketika ini dibantai teruk oleh rejim zionis Israel. Perang yang berlangsung sejak Oktober tahun lalu telah mengorbankan lebih 35,000 rakyat Palestin yang sebahagian besarnya kaum wanita, kanak-kanak dan orang awam. Mereka juga kini turut diuji dengan kekurangan bekalan makanan, sumber air dan tenaga, pakaian, serta tempat berlindung yang juga menjadi sasaran peluru rejim zionis *laknatullahi alaihim*. Tanya balik pada diri kita sendiri, bagaimana hati dan iman kita dalam isu penindasan umat Islam di Palestin ketika ini? Apa sumbangan kita terhadap perjuangan mereka membebaskan diri dan tanah air mereka terutamanya Masjid al-Aqsa dari cengkaman zionis Israel? Setidak-tidaknya, hendaklah kita sentiasa mendoakan mereka agar diselamatkan dari kekejaman zionis Israel, dan mereka segera bebas dan diangkat segala kesusahan yang sedang mereka alami ketika ini.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin Muslimat yang dikasihi sekalian,

Justeru, sebagai penutup, saya ingin merumuskan khutbah hari ini kepada beberapa pesanan penting buat kita semua;

Pertama: Setiap ibadah yang diperintahkan oleh Allah SWT bertujuan menguji keimanan, kesabaran, dan keikhlasan serta penyerahan diri kepada Allah SWT.

Kedua: Kita semua sebenarnya sama sahaja di sisi Allah SWT melainkan takwa dalam diri sahaja yang menjadi ukuran kemuliaan di sisi Allah SWT.

Ketiga: Ibadah korban mengajar kita tentang sikap kepedulian terhadap umat Islam di sekeliling. Dalam isu penindasan umat Islam di Palestin, kita wajar terus mendoakan mereka agar diselamatkan dan dibebaskan dari cengkaman dan kekejaman zionis Israel *laknatullahi alaihim*.

Firman Allah SWT:

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَائُهَا وَلَكِنَّ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ كَذَلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ

لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُكُمْ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: “Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu. Demikianlah Dia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya”. (Surah al-Hajj ayat 37)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ

لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ

مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ اَكُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، رَاغْ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

Ya Allah! Limpahkan kepada kami hujan dan rahmat, kebaikan, kesihatan, dan keberkatan. Janganlah Engkau jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari menerima berkat-Mu. Ya Allah! Jauhkan dari kami dan seluruh kaum Muslimin segala marabahaya, bencana, kesengsaraan, kekeringan, penyakit, kesakitan, kemalangan, kesesatan, gempa bumi, angin yang membinasa, kejahilan, dan kesengsaraan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Lindungilah umat Islam yang tertindas, yang dianiaya, dan yang dizalimi terutamanya di Palestin ketika ini dan seluruh dunia. Berikanlah mereka perlindungan dan pertolongan. Tunjukkan kami dan mereka kepada jalan yang Engkau redhai, dan lembutkanlah hati kami dalam menerima takdir-Mu. Lindungi kami dari kejahatan orang-orang zalim yang ingin menyakiti dan menindas berserta para penolong mereka. Dengan rahmat-Mu, wahai Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang, kami mengadu dan memohon pertolongan.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ